

PENDUDUKAN DAN PENTADBIRAN
JEPUN DI MELAKA (1942 – 45)

MD.AZMAN BIN ABDULLAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SEJARAH MALAYSIA

Perpustakaan Universiti Malaya



A510911294

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002

ABSTRAK

Disertasi ini yang bertajuk Pendudukan dan Pentadbiran Jepun di Melaka (1942 – 1945) banyak bertumpukan kepada peranan tentera Jepun sewaktu mentadbir Melaka. Disertasi ini telah menerangkan bagaimana Jepun mula menakluki Tanah Melayu dan seterusnya mentadbir negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu termasuk Singapura. Namun begitu, tumpuan disertasi ini banyak tertumpu di Melaka sesuai dengan tajuk yang telah dipilih.

Dalam disertasi ini terdapat beberapa isu yang telah diketengahkan seperti isu politik, sosial serta ekonomi. Pentadbiran Jepun di Melaka juga telah membawa pelbagai masalah yang terpaksa diharungi oleh masyarakat tempatan terutamanya dari segi kekejaman yang sering kali dilakukan oleh tentera Jepun.

Tugasan ini juga telah membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh penduduk tempatan sewaktu Jepun menyerang Tanah Melayu. Orang Melayu sendiri yang telah menolong kemasukan Jepun di tanah air ini seperti Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Walaupun pentadbiran tentera Jepun telah menjalankan pemerintahan secara kejam namun begitu, penduduk tempatan telah mendapat satu pengajaran yang amat berguna dalam kehidupan mereka. Penduduk tempatan juga telah merasakan bahawa mereka bolh memerintah negeri mereka sendiri setelah Jepun keluar dari negara ini.

Kemerosotan ekonomi sewaktu pentadbiran Jepun di Melaka juga telah mengajar penduduk tempatan bagaimana untuk terus hidup dengan menggunakan bahan yang ada di sekeliling mereka. Jepun juga telah mengajar masyarakat tempatan supaya berdikari dan sentiasa rajin berusaha untuk memajukan kehidupan mereka.

ABSTRACT

This dissertation as suggested by its title, which translated became “The Japanese Settlement and Management in Malacca (1942 - 1945), mainly focussing the roles played by the Japanese armies during their settlement in Malacca. This dissertation emphasis on, when the Japanese began to enter Malaya and their involvement in ruling the Malay State including Singapore. However, this dissertation focus more in Malacca as suggested by the title.

In this dissertation there are few issues that will be given emphasis on, covering the political, social and economics issues. The Japanese administration in Malacca faced many problems that the local societies had to undergo especially the cruel actions made by the Japanese armies.

This work will also discuss the role played by the local peoples during the Japanese Settlement in Malaya. The Malays themselves played the main role in helping the Japanese to enter Malaya such as the Kesatuan Melayu Muda ,under Ibrahim Yaakob. Although the Japanese administration involved cruel ruling but the local peoples learnt their lessons. The local peoples admitted that they were able to rule their own country after the Japanese armies walked out from this country.


The decline in the economics during the Japanese Settlement in Malacca taught the local peoples on how to make do with any raw materials left. The Japanese had made the local peoples to be independence and worked hard in order to upgrade their lives.

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

12.0905.2002

Tarikh


.....
MD. AZMAN BIN ABDULLAH
AGEKD 00008

PENGIIARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t., selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat serta tabi'in dan muslimin dan muslimat sekalian. Alhamdulillah, berkat kesabaran dan Inayah daripada Allah s.w.t. penulis dapat menyiapkan sebuah disertasi yang bertajuk PENDUDUKAN DAN PENTADBIRAN JEPUN DI MELAKA (1942 – 1945) sebagai syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia), Universiti Malaya.

Jutaan terima kasih penulis ingin ucapkan kepada penyelia kursus ini iaitu Encik Azhar bin Mad Aros. Melalui beliau, penulis telah memperolehi banyak pertolongan dan tunjuk ajar untuk menyiapkan penulisan disertasi ini. Penulis juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan rasa terhutang budi kepada tokoh-tokoh yang telah sudi ditemuramah kerana telah memberikan kerjasama yang tidak terhingga kepada penulis. Jutaan terima kasih juga penulis tujukan kepada Perpustakaan Awam Melaka, Universiti Malaya, Arkib Negara, Kuala Lumpur, Arkib Negara Cawangan Selatan, Muzium Melaka dan Memorial Kemerdekaan.

Seterusnya penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada isteri, Marina bt. Mohd.Said dan anak-anak tersayang, Muhammd Nazirul Zaqwan, Munira Izzatie, Mursyidatul Nabila dan Mussira Aqilla kerana telah memberi sokongan padu untuk menyempurnakan tugas ini. Buat ayah dan ibu, penulis turut mengucapkan terima kasih kerana sering memberikan galakan dan sokongan.

Akhir sekali, penulis berharap semoga disertasi ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada sejarah tanahair kita.

Sekian, terima kasih.

Md. Azman bin Abdullah
Universiti Malaya,
2002.

Abstrak	ii
Abstract	iv
Pengakuan	vi
Penghargaan	vii
Kandungan	ix
Senarai Peta	xi
Senarai Gambar	xii
Senarai Kependekan	xiii
Pengenalan	xiv
a). Objektif Kajian	xiv
b) Skop Kajian	xv
c) Sorotan Literatur	xv
d) Kepentingan Kajian	xviii
e) Kaedah Kajian	xviii
f) Sinopsis bab	xx
g) Masalah Kajian	xxii

Bab 1	Latar belakang Kedatangan Jepun di Tanah Melayu	1
Bab 2	a) Pentadbiran Jepun di Melaka, 1942-1945	24
	b) Proses penjepuan	58
Bab 3	Penguasaan Ekonomi Jepun di Melaka, 1942-1945	77
Bab 4	Kesengsaraan Hidup Di Bawah Pentadbiran Jepun	90
Bab 5	a) Kesan Pendudukan dan Pentadbiran Jepun	113
	b) Kedudukan Islam sewaktu Jepun di Melaka	133
	c) Rahmat disebalik pendudukan Jepun	143
Kesimpulan		147
Lampiran 1		153
Lampiran 11		158
Lampiran 111		159
Lampiran 1V		160
Lampiran V		161
Lampiran V1		162
Lampiran V11		163
Lampiran V111		164
Lampiran 1X		165
Bibliografi		166

SENARAI PETA**Ilm.**

1.	Peta 1 Pendaratan Jepun di utara Semenanjung Tanah Melayu	3
2.	Peta 2 Perluasan kuasa tentera Jepun, 1937 – 1942	10
3.	Peta 3 Serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu	16
4.	Peta 4 Kedudukan tentera Jepun ketika menyerang Singapura sebelum menyeburang Selat Johor.	19

SENARAI GAMBAR**Hlm.**

1.	Kemaraan askar Jepun dengan menggunakan basikal.	6
2.	Jeneral Percival menyerah kalah di Bukit Timah, Singapura pada 15 Februari 1942.	23
3.	Bendera tentera Jepun yang ditulis dengan nama regimen dan pegawai-pegawai yang menyerang Tanah Melayu.	31
4.	Hiduplah semangat bertani.	32
5.	Contoh wang pokok pisang yang digunakan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.	60
6.	Lagu-lagu Jepun.	63- 65
7.	Rakyat tempatan sedang mempelajari bahasa Nippon.	67
8.	Gadis Melayu sedang menyanyikan lagu Jepun	69
9.	Sambutan Perayaan Tencho Setsu	72
10.	Sambutan Perayaan Tencho Setsu	74
11.	Sambutan Perayaan Tencho Setsu	75
12.	Sambutan Perayaan Tencho Setsu	76
13.	Landasan Keretapi Maut di sempadan Siam-Burma	100
14.	Perjumpaan Islam	135
15.	Nama-nama Utusan Islam Malai dan Sumatera	137
16.	Penyerahan pedang tanda Jepun menyerah kalah	148 -149

SENARAI KEPENDEKAN

B.M.A.	British Military Administration
I.I.L.	Indian Independence League
I.N.A.	Indian National Army
K.K.M.M.	Kesatuan Kebajikan Melayu Melaka
K.M.M.	Kesatuan Melayu Muda
K.R.I.S.	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
M.P.A.J.A.	Malayan People's Anti-Japanese Army
M.S.C.	Malai Scinen Club
O.C.A.	Overseas Chinese Association
P.E.T.A.	Pembela Tanahair (Giyu-gun)
P.K.M.	Parti Komunis Malaya
S.L.T.C.	Sultan Idris Training College, Tanjung Malim, Perak

PENGENALAN

A) Objektif Kajian

Bersesuaian dengan tajuk tesis "Pendudukan dan Pentadbiran Jepun di Melaka (1942 - 1945)", persoalan utama yang akan diperincikan dalam kajian ini ialah pendudukan dan cara pentadbiran Jepun di Melaka mulai tahun 1942 hingga 1945 dari segi politik, ekonomi dan sosial. Peranan tentera Jepun yang mentadbir Melaka disekitar tahun 1942 hingga 1945 dikaji untuk membuktikan bahawa Jepun telah melakukan pelbagai kekejaman dan menyedarkan masyarakat Melayu bertapa sengsaranya hidup di bawah perintahan penjajah.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji peranan Jepun dalam era pentadbirannya yang mahu menjepunkan Melaka dan Tanah Melayu pada sekitar tahun 1942 hingga 1945 serta meneliti penglibatan peranan masyarakat kampung yang mula memegang jawatan-jawatan tertentu di masa pentadbiran Jepun di Melaka. Selain itu penulis juga akan mengkaji penglibatan penduduk Melaka dalam bidang ekonomi serta masalah sosial yang dihadapi sejak pendudukan Jepun di Melaka.

Di samping itu, kesedaran politik penduduk Melaka juga dikaji akibat daripada pendudukan dan pentadbiran Jepun disekitar tahun 1942 hingga 1945. Selain itu, penulisan latihan ilmiah ini juga berobjektif untuk mengkaji secara lebih dekat lagi

mangsa-mangsa penderaan Jepun yang masih hidup pada waktu kini melalui sumber lisan.

B) Skop Kajian.

Kajian ini ditumpukan kepada pentadbiran Jepun di Melaka dari tahun 1942 hingga 1945. Jangkamasa ini dipilih sebagai skop kajian kerana dalam tempoh inilah Jepun menguasai Melaka, Tanah Melayu, Singapura, Sumatera serta negara-negara di Asia Tengara. Pada masa yang sama juga Perang Dunia Kedua sedang berlaku serta keadaan ekonomi dunia berada dalam keadaan yang tidak stabil.

Dalam jangkamasa ini telah berlaku pelbagai perubahan dari segi politik, ekonomi serta sosial di Tanah Melayu dan telah memberi kesan yang begitu mendalam terhadap masyarakat. Kajian ini dihadkan sehingga penghujung 1945 kerana Jepun telah menyerah kalah kepada Pihak Berikat setelah dua bandar utama di Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah dimusnahkan oleh Amerika Syarikat dengan menggugurkan bom atom. Walaupun tempohnya agak singkat tetapi kesannya amat mendalam sekali terhadap negara-negara yang pernah dijajahnya.

C) Sorotan Literatur.

Dalam menyediakan disertasi ini, penulis telah merujuk kepada sumber pertama iaitu sumber lisan dengan mencuramah lebih kurang 20 orang mangsa kekejaman Jepun serta saksi mata yang masih hidup sehingga ke hari ini. Tujuannya adalah bagi

membolehkan penulis memberikan satu gambaran yang lebih jelas mengenai pentadbiran Jepun di Melaka pada waktu itu.

Selain itu penulis juga telah merujuk kepada sumber sekunder dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu melalui tulisan pengkaji-pengkaji sejarah Malaysia serta akhbar-akhbar yang diterbitkan sewaktu pemerintahan Jepun di Tanah Melayu seperti *Semangat Asia*, *Malai Sinpo*, *Syonan Times* dan beberapa lagi majalah pada zaman tersebut. Di dalam majalah *Semangat Asia* yang diterbitkan dari tahun 1943 sehingga tahun 1945, ianya banyak menulis tentang cara-cara pemerintahan Jepun di Tanah Melayu khususnya tentang penjepunan Jepun terhadap Tanah Melayu. Pada awal terbitan majalah ini, Jepun cuba menjepunkan Tanah Melayu dari pelbagai segi termasuklah dalam bidang pendidikan, masa, bulan dari hari dalam kehidupan seharian. Jepun juga telah cuba menjadikan agama Islam sebagai batu loncatannya sewaktu mentadbirkan Melaka dan Tanah Melayu di mana agama ini dipelihara agar ianya dapat membantu Jepun dalam pentadbirannya.

Buku yang bertajuk *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)* merupakan salah satu buku yang dirujuk oleh penulis dalam menyediakan disertasi ini.. Pengarang buku ini, Mohamad Isa Othman, telah membincangkan tentang bagaimana kemasukan Jepun ke Tanah Melayu melalui Siam atau Thailand. Beliau juga banyak membincangkan tentang Siam bekerjasama dengan Jepun sewaktu Jepun megucasai Tanah Melayu. Negeri-negeri di sebelah utara seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan kepada Siam sewaktu Jepun menguasai Tanah Melayu. Namun begitu, beliau kurang menerangkan peranan penduduk tempatan

yang telah menjadi mangsa kekejaman Jepun seperti membina jambatan kereta api maut serta peranan yang dimainkan oleh kempetai Jepun.

Dalam kajian disertasi ini, penulis juga telah cuba menceritakan secara detail bagaimana Jepun memerintah dan mentadbir Melaka. Kebanyakkan penulis-penulis sebelum ini hanya mensokuskan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu seperti Chin Kee Onn dalam bukunya *Malaya Up Side Down*. Chin Kee Onn telah menceritakan secara menyeluruh tentang pentadbiran Jepun di Malaya dan tidak menceritakan tentang negeri-negeri yang ditadbir oleh Jepun.

Buku tulisan D.G.E. Hall yang bertajuk *Sejarah Asia Tenggara* pula hanya menceritakan tentang pentadbiran Jepun secara ‘sambil lalu’ sahaja di Tanah Melayu. Sebenarnya, penjelasan secara terperinci di bahagian pentadbiran Jepun adalah penting kerana ianya jarang dibincangkan oleh penulis-penulis terutamanya penulis dari barat yang kerap kali menulis berdasarkan kaca mata mereka sahaja.

Disebabkan kebanyakkan penulisan sebelum ini hanya banyak tertumpu pada Tanah Melayu saja, maka saya cuba menulis dengan sebaik mungkin kajian saya tentang cara Jepun mentadbir Melaka secara terperinci. Dengan cara ini, maka pentadbiran Jepun di Tanah Melayu khususnya Melaka dapat dilihat dengan lebih jelas lagi.

D) Kepentingan Kajian.

Sehingga kini, kajian khusus yang membincangkan sejarah Pendudukan dan Pentadbiran Jepun di Melaka (1942 – 1945) secara mendalam masih lagi tidak diperolehi. Kebanyakan penulisan dan penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana tempatan serta barat setakat ini hanya mengkaji secara menyeluruh serta memberi tumpuan tentang pendudukan dan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu. Tumpuan kajian terhadap sesebuah negeri kurang dikaji kecuali Kedah yang ditulis oleh Dr. Mohammad Isa Othman dan Terengganu ditulis oleh Prof. Abdullah Zakaria Ghazali.

Kekurangan mengkaji secara lebih terperinci kepada sesebuah negeri telah mendorong penulis memilih kajian tentang Pendudukan dan Pentadbiran Jepun di Melaka (1942 – 1945). Penglibatan rakyat tempatan dalam kajian ini telah membuktikan bahawa Jepun benar-benar telah menaikkan semangat rakyat untuk terus berjuang demi kebebasan tanahair walaupun telah menghadapi pelbagai kesengsaraan sewaktu pentadbiran Jepun di Melaka dan Tanah Melayu. Kesedaran mula timbul di hati masyarakat tempatan apabila ada di antara mereka telah diberi peluang untuk mentadbir dengan menjawat jawatan penting di negeri ini sewaktu Jepun menguasai Melaka dan Tanah Melayu.

E) Kaedah Kajian.

Dalam menyediakan satu-satu latihan ilmiah, pelbagai kaedah kajian akan digunakan oleh seseorang penulis. Ada yang menggunakan kaedah temuramah, *kajian*

perpustakaan, penyelidikan, analisa dan soal selidik. Dalam menyediakan latihan ilmiah ini, penulis telah menggunakan dua kaedah.

Kaedah pertama yang digunakan oleh penulis ialah temuramah. Penulis telah menemuramah lebih kurang 30 orang responden untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang pentadbiran Jepun di Melaka sekitar tahun 1942 hingga 1945. Kaedah kajian ini amat berkesan kerana penceritaan yang disampaikan oleh responden adalah cerita yang benar-benar telah dilalui oleh mereka. Ada di antara mereka yang telah terbabit secara langsung dalam pentadbiran Jepun sewaktu Jepun menduduki Melaka pada ketika itu. Ini telah memudahkan penulis menggarap cerita yang telah disampaikan oleh responden kerana kebanyakkan maklumat yang disampaikan itu adalah maklumat yang sebenar. Mereka telah melalui dan menempuhinya malah telah melihat dengan mata mereka sendiri cara pentadbiran Jepun di Melaka.

Kaedah kedua pula ialah *kajian perpustakaan* yang dibuat dengan cara meneliti sumber primer dan sumber sekunder. Sumber pertama yang dirujuk oleh penulis terdiri daripada Rekod Rasmi Kerajaan seperti Malaya, *A report on the 1947 census of population*, (by M.V. Del Tufo), London: Crown Agents, 1948. Sumber lain yang dirujuk termasuklah akhbar dan majalah-majalah yang diterbitkan sewaktu pemerintahan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura seperti *Malai Simpo, Perubahan Baru, Semangat Asia, Seruan Rakyat, Sinaran Matahari Syonan Shimbun dan Syonan Times*.

Penulis juga telah merujuk kepada artikel dalam jurnal, artikel dalam buku, serta buku-buku yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji sejarah sebelum ini yang telah diterbitkan dari awal tahun 1950-an sehingga 1990-an. Majalah *Semangat Asia* serta *Sinaran Matahari* telah banyak menceritakan tentang cara pentadbiran serta pemerintahan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu

F) Sinopsis Bab.

Keseluruhan tesis atau disertasi ini akan dibahagikan kepada lima bab. Pada bab yang pertama, penulis akan membincangkan tentang latar belakang kedatangan Jepun di Tanah Melayu. Ada beberapa sebab mengapa Jepun cuba meluaskan kuasanya di Asia serta Asia Tenggara. Penulis juga akan mengkaji mengapa Jepun begitu mudah menakluki Tanah Melayu dalam masa yang begitu singkat. Di samping itu juga penulis akan membincangkan bagaimana Jepun telah menggunakan Thailand sebagai tempat laluan mereka untuk memasuki Tanah Melayu dari sebelah utara dan kesilapan British dalam membuat congakan mereka untuk mempertahankan Tanah Melayu dari serangan Jepun.

Dalam bab yang kedua pula, penulis akan membincangkan cara pentadbiran Jepun di Melaka sekitar tahun 1942 hingga 1945. Perbincangan akan difokuskan kepada cara Jepun memerintah serta mentadbir Melaka apabila Tanah Melayu berjaya mereka kuasai. Sistem pentadbiran Jepun akan diuraikan secara teliti termasuklah proses

penjepunian yang telah dijalankan di Melaka dan Tanah Melayu sewaktu Jepun mentadbir.

Bab ketiga, penulis akan membincangkan penguasaan ekonomi Jepun di Melaka sewaktu Jepun mentadbir. Sektor ekonomi akan ditekankan dalam bab ini kerana perluasan kuasa Jepun di Asia Tenggara ada hubung kaitnya dengan ekonomi. Jepun telah cuba memperbaiki keadaan ekonomi negaranya dan Tanah Melayu akibat dari kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh dunia pada waktu itu. Jepun juga telah mengarahkan penduduk-penduduk tempatan agar bekerja dengan lebih kuat untuk memulihkan ekonomi Melaka dan Tanah Melayu serta disamping itu mereka akan mengaut keuntungan yang diperolehi dari negara ini untuk dibawa balik ke Jepun.

Dalam bab keempat pula, penulis akan membincangkan tentang kesengsaraan yang dihadapi oleh masyarakat tempatan sewaktu di bawah pentadbiran Jepun. Penulis akan membincangkan tentang kezaliman yang dilakukan oleh tentera Jepun serta tali barut Jepun sewaktu mentadbir tanah air ini. Di samping itu juga, penulis akan membincangkan tentang kesukaran untuk mencari sesuap nasi sewaktu pentadbiran Jepun serta masyarakat tempatan sentiasa hidup di dalam keadaan ketakutan.

Bab kelima pula, penulis akan menumpukan tentang kesan pendudukan dan pentadbiran Jepun, kedudukan Islam sewaktu Jepun di Melaka serta rahmat disebalik pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu. Walaupun pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu banyak membawa kesengsaraan, namun begitu, rakyat telah

mulai sedar bertapa pentingnya kebebasan hidup di tanah air sendiri. Dalam bab ini juga, penulis akan membincangkan bagaimana agama Islam telah dijadikan sebagai batu loncatan Jepun sewaktu memerintah dan mentadbir Melaka serta Tanah Melayu.

G) Masalah Kajian.

Dalam usaha untuk menyempurnakan latihan ilmiah ini, penulis telah menghadapi masalah untuk menemuramah mangsa kekejaman Jepun sewaktu mentadbir Melaka disekitar tahun 1942 hingga 1945. Kebanyakan mangsa yang menerima layanan buruk dari Jepun sudah lanjut usianya serta berada di dalam keadaan uzur.

Ramai juga responden yang ditemuramah telah berkurangan ingatan mereka. Namun begitu kesulitan ini dapat penulis atasi dengan merujuk kepada tulisan-tulisan sarjana terdahulu yang banyak menulis tentang pentadbiran Jepun di Tanah Melayu. Kesulitan ini tidak membebankan penulis sebaliknya telah menguatkan semangat penulis untuk menulis kajian ini sehingga selesai dengan bantuan-bantuan yang diterima dari Arkib Negara, Memorial Kemerdekaan serta Arkib Johor.